

08/10/1997

Kejatuhan ringgit tidak berterusan (HL)

Ismail Mat; Ahmad Naim Tahir

BATU PAHAT, Selasa - Keyakinan kerajaan bahawa kejatuhan nilai ringgit sekarang tidak akan berterusan, bukan bermakna kepemimpinan negara takbur atau sombong tetapi berasaskan ekonomi negara yang kukuh, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sambil mempertahankan pendekatan tegas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung masalah itu, Timbalan Perdana Menteri menyifatkan masalah ekonomi dan kejatuhan nilai ringgit sekarang sebagai `jerebu' ekonomi, yang tidak akan lama berikutan pelbagai langkah diambil bagi mengatasinya.

Bagaimanapun, katanya, langkah menyelesaikan masalah itu memerlukan kerjasama semua pihak dan mereka perlu menumpukan perhatian kepada mencari jalan penyelesaian, bukannya sibuk menyalahkan pihak tertentu.

"Langkah mengelak pembaziran, berjimat cermat serta mendapatkan kerjasama semua pihak adalah usaha kerajaan untuk menamatkan krisis penyusutan nilai ringgit ini.

"Bagaimanapun, dalam masa langkah berjimat cermat diambil, sebarang peruntukan yang memberi faedah langsung kepada rakyat, terutama golongan miskin tidak akan terjejas dan akan terus disalurkan," katanya ketika berucap pada jamuan tengah hari Umno Bahagian Batu Pahat, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa; Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin; Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman; Exco kerajaan negeri; dan pemimpin politik serta pegawai kanan kerajaan.

Perdana Menteri, setibanya dari lawatan 11 hari ke Amerika Latin dan Caribbean petang semalam, memberi jaminan masalah ekonomi yang dihadapi negara sekarang dapat diatasi walaupun tanpa bantuan negara kaya.

Dalam apa juga keadaan, kerajaan akan berusaha memulihkan keadaan ekonomi tanpa bantuan sesiapa. Rakyat perlu bersabar menghadapi isu itu selepas mengharungi zaman selesa.

Anwar berkata, pendekatan tegas pucuk pimpinan negara berhubung penyelesaian krisis itu bagi membolehkan pandangan Malaysia didengar di peringkat antarabangsa.

"Jika Perdana Menteri terus dengan cara lembut dan terlalu diplomatik, kesannya tidak seberapa tetapi apabila dikejutkan dengan kenyataan keras, seluruh dunia dan masyarakat kewangan antarabangsa terkejut dan ada yang marah.

"Apabila orang marah, saya kena olah kenyataan itu dengan mempertahankan pandangan Dr Mahathir bahawa spekulasi mata wang tidak menguntungkan. Saya menyusun pandangan Perdana Menteri," katanya.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, penjelasan itu bertujuan memberitahu badan kewangan antarabangsa supaya menyediakan peraturan mengawal dan menyelamatkan ekonomi negara membangun serta pasaran kewangannya daripada menjadi mangsa manipulasi dan spekulasi.

"Walaupun pendekatan antara saya dengan Perdana Menteri berbeza, dari segi pentadbiran politik, pentadbiran dan pengurusan ekonomi, kita sama-sama berbincang dengan pemimpinnya adalah Dr Mahathir.

"Kenyataan tegas Dr Mahathir adalah cara beliau untuk menarik perhatian antarabangsa dan hasilnya, kita berjaya mengejutkan dunia dan kemudian menuntut supaya badan kewangan antarabangsa memperkenalkan peraturan melindungi nilai pasaran kewangan," katanya.

(END)

